

Kerajaan Tidak Pernah Politikkan Golongan Belia
Bernama
25 Mei, 2012

PUTRAJAYA, 25 Mei (Bernama) -- Kerajaan terbuka menerima pandangan daripada mana-mana pihak untuk pembangunan belia yang produktif kerana berpegang kepada pendirian bahawa agenda belia tidak wajar dipolitikkan, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata kementerian telah menjemput beberapa wakil rakyat tanpa mengira fahaman politik bagi meninjau perjalanan sambutan Himpunan Jutaan Belia sempena Hari Belia Negara 2012 di sini, yang memasuki hari ketiga Jumaat.

"Kerajaan tidak pernah mempolitikkan segala perkembangan dan aktiviti yang melibatkan golongan belia.

"Buktinya melalui program tinjauan mesra hari ini, kita juga disertai oleh wakil rakyat PAS, Dr Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)," kata Ahmad Shabery kepada pemberita selepas melawat gelanggang futsal 1Malaysia di Presint 16, di sini hari ini.

Tinjauan itu turut disertai sembilan anggota parlimen termasuk daripada kerajaan dan pembangkang, 32 wakil kedutaan dan beberapa penaja sambutan program berkenaan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668796>